

UJTD

U B349 AAB

MAHATHIR

1985

KOTA BAHARU, 12 JULAI (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGINGATKAN PARA PEMIMPIN UMNO BAHAWA KEPUTUSAN PIHAK KETIGA SEPERTI MAHKAMAH DALAM MENYELESAIKAN MASALAH PARTI WALAUPUN BETUL DARIPADA SEGI UNDANG-UNDANG, TIDAK AKAN BERMAKNA TANPA SOKONGAN RAMAI.

KATANYA, DALAM PARTI POLITIK, PERANAN SESEORANG PEMIMPIN BUKANLAH UNTUK KEPENTINGAN DIRI TETAPI YANG PENTING IALAH MEMENTINGKAN KEBAIKAN RAKYAT DAN NEGARA.

SEMASA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 10,000 ORANG ANGGOTA DAN PENYOKONG BARISAN NASIONAL DI LAPANGAN TERBANG SULTAN ISMAIL DI PENGKALAN CHEPA DEKAT SINI PAGI INI, PERDANA MENTERI BERKATA SESEBUAH PARTI POLITIK TIDAK MUNGKIN WUJUD JIKA HANYA DIPUNYAI OLEH SEORANG SAJA.

BELIAU BERKATA PARA PEMIMPIN PERLU MEMPUNYAI SIKAP MERENDAH DIRI UNTUK MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN KERANA TANPA PERATURAN TIDAK WUJUD SEBUAH PERTUBUHAN.

PERDANA MENTERI BERKATA BERBAGAI-BAGAI JAWATAN YANG WUJUD DALAM PARTI BERTUJUAN SEMATA-MATA UNTUK MENJAGA KEPENTINGAN PARTI KESELURUHANNYA DAN BUKAN DIADAKAN SEMATA-MATA KERANA KEHENDAK PEMIMPIN.

KATANYA SEBAGAI CONTOH JAWATAN YANG DIPEGANGNYA SEKARANG BUKANLAH DI ATAS KEHENDAKNYA SENDIRI DAN BUKAN BAGINYA UNTUK BERSENANG-SENANG NAIK KAPAL TERBANG KE SANA KE SINI SERTA MENDUDUKI RUMAH YANG BERHARGA BERJUTA-JUTA.

-- LAGI.

1250MST 12 07 85

U B350 AAB

MAHATHIR 2 KOTA BAHARU

KATANYA, KEMUDAHAN-KEMUDAHAN ITU BUKAN UNTUK KEPENTINGAN PRESIDEN TETAPI MELAMBANGKAN SEBAGAI TUMPUAN SATU SUARA RAMAI YANG DIAMANAHKAN KEPADANYA UNTUK MEMIKUL TANGGUNGJAWAB KEPADA NEGARA DAN BANGSA.

+PEMIMPIN INI ADALAH SUARA KITA, YANG DEMIKIAN KITA MESTI PATUH TETAPI KADANG-KADANG ADA YANG TAK SETUJU DAN MEMENCILKAN DIRI, MAKA TIDAK AKAN ADA SEBUAH PERTUBUHAN SEPERTI INI,+ UJARNYA.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PENERUSI BARISAN NASIONAL MENGINGATI SELURUH ANGGOTA PARTI BAHAWA DALAM MASA MEREKA MENGUTARAKAN PENDAPAT, MEREKA JUGA HARUS MENERIMA SUARA RAMAI AGAR SUARA ITU DIHORMATI OLEH PIHAK LAIN.

BELIAU YAKIN DENGAN MEMPUNYAI SATU SUARA, NEGARA AKAN MENJADI KUAT, MAJU DAN DIHORMATI OLEH BANGSA-BANGSA LAIN DI DUNIA.

PERDANA MENTERI BERKATA KEMERDEKAAN NEGARA TIDAK AKAN BERERTI JIKA NEGARA MEMPUNYAI BANYAK SUARA YANG BOLEH MENJEJASKAN PERPADUAN DAN KESELAMATAN.

+KITA TELAH LIHAT BANYAK NEGARA YANG MENDAPAT KEMERDEKAAN TETAPI TIDAK DAPAT MEMBANGUNKAN NEGARA MEREKA DAN INI HARUS MENJADI PENGAJARAN KEPADA KITA,+ KATANYA. -- LAGI.

1252MST 12 07 85

MAHATHIR 3 KOTA BAHARU

PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA MEMPUNYAI MARUAH SENDIRI DAN TIDAK INGIN DIPANDANG RENDAH OLEH BANGSA-BANGSA LAIN DI DUNIA.

BELIAU MAHUKAN RAKYAT SUPAYA SANGGUP MEMATUHI UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN SERTA SANGGUP MEMBELAKANGKAN KEPENTINGAN DIRI DEMI KEPENTINGAN KUMPULAN MASYARAKAT AGAR NEGARA TIDAK TERUS DIHINA ORANG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGAJAK RAKYAT SUPAYA SANGGUP MEMBUKTIKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA KEPADA AGAMA, BANGSA DAN NEGARA DENGAN USAHA MEMPERTINGKATKAN SEMANGAT PERPADUAN YANG KUKUH AGAR RAKYAT MALAYSIA DUDUK SAMA RENDAH DAN BERDIRI SAMA TINGGI DENGAN BANGSA-BANGSA LAIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA SITI DR. HASMAH ALI DISAMBUT OLEH MENTERI BESAR DATUK HAJI MOHAMED YAACOB DAN ISTERI DATIN NIK AZIZAH SERTA ORANG-ORANG KENAMAAN NEGERI.

PERDANA MENTERI MENERIMA TABEK DAN MEMERIKSA PERBARISAN TERDIRI DARIPADA PERGERAKAN PEMUDA DAN WANITA UMNO KELANTAN. -- BERNAMA.

1306MST 12 07 85

UUUU